



SIARAN MEDIA

JABATAN DIGITAL NEGARA LUNCUR SEGMENT BUKAN WARGANEGARA PORTAL MyGOVERNMENT

PUTRAJAYA – Peluncuran Portal RAI oleh Jabatan Digital Negara (JDN) di bawah Kementerian Digital merupakan sebahagian daripada gerbang tunggal perkhidmatan digital kerajaan; iaitu Portal MyGovernment yang berfungsi sebagai pusat sehenti kepada **bukan warganegara Malaysia** untuk mendapatkan akses mudah kepada informasi dan perkhidmatan digital daripada pelbagai agensi kerajaan.

Majlis yang telah dirasmikan oleh YB Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo di Balai Perlepasan, Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Sepang dilihat adalah sejajar dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan menyokong Tahun Melawat Malaysia 2026.

Portal RAI boleh diakses melalui laman www.rai.malaysia.gov.my telah dibangunkan di mana maklumat dan perkhidmatan digital telah diselaraskan mengikut tujuan individu yang mengakses portal.

Majlis turut disempurnakan dengan sesi demonstrasi secara langsung Portal RAI dan pameran perkhidmatan digital yang disediakan oleh agensi yang menawarkan perkhidmatan kepada bukan warganegara. Majlis ini juga telah disiarkan secara penstriman langsung kepada umum melalui laman sosial rasmi JDN.

Keseluruhan portal yang mesra pengguna dan intuitif ini, memanfaatkan penggunaan teknologi terkini seperti reka bentuk responsif, pencarian pintar, personalisasi dan topik panduan.

Pelawat portal juga boleh mendapatkan maklumat dan perkhidmatan berdasarkan tujuan utama mereka iaitu; prosedur kemasukan, pelancongan, melanjutkan pelajaran, pengurusan kehidupan di Malaysia, prosedur pekerjaan dan pelaburan di Malaysia.

Portal RAI berperanan penting dalam mempromosikan Malaysia di arena global dan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancong, pelabur, dan bakat antarabangsa.

Ia berperanan meningkatkan daya saing negara dalam menarik minat ketiga-tiga kumpulan tersebut ke Malaysia. Portal RAI bertindak sebagai platform utama untuk memaparkan kelebihan dan keunikan Malaysia kepada khalayak antarabangsa, seterusnya memperkasakan imej negara di mata dunia.

JABATAN DIGITAL NEGARA

17 Jun 2025

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat | Jabatan Digital Negara